PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Murid di Melaka digalakkan pakai pelitup muka



MURID bergejala dikehendaki menjalani ujian kendiri dan seandainya keputusan menunjukkan negatif, mereka digalakkan memakai pelitup muka.

- Oleh HADI AB. MANAP
- 11 Disember 2023, 3:19 pm

MELAKA: Murid di negeri ini digalakkan memakai pelitup muka sepanjang keberadaan mereka di sekolah selaras dengan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 2 Tahun 2023.

Ini susulan peningkatan kes Covid-19 di Melaka pada minggu Epidemiologi 48 (ME48) berakhir 2 Disember lalu kepada 534 kes baharu berbanding minggu sebelumnya iaitu 268 kes.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Melaka, Datuk Rahmad Mariman berkata, murid bergejala dikehendaki menjalani ujian kendiri dan seandainya keputusan menunjukkan negatif, mereka digalakkan memakai pelitup muka.

“Untuk perkara ini masih lagi seperti siaran sedia ada. Tiada lagi arahan kena (wajib) pakai pelitup muka, cuma digalakkan pakai,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Ngwe Hee Sem berkata, keseluruhan kes positif Covid-19 di negeri ini adalah 152,975 kes, manakala kes sembuh direkodkan sebanyak 151,299 kes.

Katanya, kira-kira 458 kes aktif sedang menerima rawatan dan satu kluster aktif dilaporkan iaitu Kluster Paya Rumput Jaya.

“Ia merupakan kluster pendidikan dan dijangka tamat pada 25 Disember depan,” katanya. – UTUSAN